

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 DISEMBER 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Agong rasmi landasan ECRL pertama

Agong rasmi landasan ECRL pertama

KUANTAN — Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyempurnakan majlis pemasangan landasan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang pertama di tapak Stesen ECRL Seksyen 10, Gebeng, di sini semalam.

Keberangkatan tiba baginda diriringi Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Perasmian berkenaan merupakan titik permulaan pemasangan landasan sejauh 94 kilometer dari stesen Bandar Pelabuhan Kuantan (KPC) di Gebeng ke Dungun, Terengganu, yang dijangka mengambil masa tiga hingga empat bulan.

Selaras itu, pemasangan landasan akan disambung dari stesen KPC ke Temerloh dan menuju ke arah utara di Dungun ke Kota Bharu, sebelum diakhiri Temerloh ke Jalan Kastam, Selangor.

Menteri Pengangkutan, An-



AL-SULTAN ABDULLAH bersama Tunku Azizah berkenan berangkat pada majlis pemasangan landasan ECRL pertama di Gebeng, Kuantan semalam.

THONY LOKE dalam ucapannya berkata, Tapak Projek ECRL di KPC merupakan titik permulaan bagi pelaksanaan pemasangan

landasan ECRL memandangkan proses pengilangan peralatan dan komponen landasan bertempat di sini.

"Tapak ini juga menempatkan pusat kawalan Construction Rail-way Operation Control Centre (CROCC) bagi memantau kerja-

kerja pemasangan landasan ECRL serta depot kereta api ECRL pada masa akan datang.

"Kerja-kerja pemasangan landasan pertama ECRL dari KPC menghala ke Dungun akan dilaksanakan dengan mesin pemasangan trek model CCPG-500A buatan CRRC Yangtze Co. Ltd.

"Ia mampu mengendali pemasangan jalur rel secara putera sejauh 1.5 kilometer sehari," katanya.

Menurutnya, Projek ECRL telah mencatat kemajuan keseluruhan sebanyak 56.35 peratus setakat November lalu, selari dengan jadual tarikh siap projek dari Kota Bharu, Kelantan ke Terminal Bersepadu Gombak pada Disember 2026.

Projek ECRL turut menetapkan pembinaan sebanyak 40 buah terowong dengan jumlah panjang melebihi 60 kilometer di sepanjang jajaran relnya bagi mengelak gangguan kepada hidupan liar dan mengurangkan penembangan hutan simpan.